



# MESIR JEJAK RASUL

15 HARI 13 MALAM

# CRUISE NILE

ASWAN & LUXOR

KEMBARA SUFI TRAVEL & TOURS SDN BHD

# PAKEJ MESIR JEJAK RASUL CRUISE NILE 15 HARI 13 MALAM

KAHERAH | ISKANDARIAH | GIZA | FAYOUM | SINAI | DAHAB | ASWAN | LUXOR

## HARI 1 : MALAYSIA

Berkumpul di Lapangan Terbang Kuala Lumpur (KLIA) dan berlepas ke Kaherah, Mesir.

## HARI 2 : KAHERAH

Awal pagi, sampai di bumi Mesir dan disambut oleh wakil Kembara Sufi di Mesir. Lawatan ke Masjid dan Makam Imam syafie di Jabal Muqattam. Beliau merupakan Imam Mazhab yang terkenal dilahirkan pada 150H. Lawatan ke Qal' ah Salahudin Al – Ayubi. Ianya merupakan kubu pertahanan terbesar di Kaherah dibina pada tahun 1183. Salahuddin Al – Ayubi merupakan pahlawan terkenal yang mengalahkan tentera salib yang berkuasa hampir 300 tahun. Bermalam di Kaherah.

## HARI 3 : GIZA

Sarapan pagi. Lawatan ke Giza. Peserta dibawa ke kawasan tiga Pyramid terkenal iaitu Kufu, Kufra dan Mangkara yang berusia lebih 2500sm. Peserta dibawa melihat tapak kapal Firaun yang terdapat berhampiran dataran pyramid. Bergambar dengan latar belakang kepala Sphinx yang dipercayai oleh kerajaan kuno sebagai penjaga kerajaan Firaun. Lawatan seterusnya menuju ke Masjid Al – Azhar dan Universiti Al azhar diantara pusat pengajian tertua di dunia dan diasaskan oleh Jauhar Syaqli pada 970M di zaman pemerintahan Fatimiyyah. Lawatan seterusnya ke Masjid Saidina Hussain dan Makam Saidina Hussain iaitu cucu Rasullullah saw. Lawatan seterusnya ke pasar tertua di Mesir bernama Khan Khalili berusia lebih 650 tahun yang menjadi tempat pertemuan pedagang untuk berehat dan bertukar hasil dagangan mereka disini. Bermalam di Kaherah.

## HARI 4 : DAHAB

Sarapan pagi dan daftar keluar hotel. Menuju ke Terusan Ahmad Hamdi atau Terusan Suez yang menjadi income utama pendapatan Mesir melalui perkapalan perdagangan. Lawatan di ke Oyun Musa tempat istirahat kaum Nabi Musa dan pengikutnya setelah dikejar oleh Firaun. Kemudian peserta dibawa melawat ke “Muzium Israel” atau kubu pertahanan Israel sewaktu perang Israel – Mesir di semenanjung Sinai pada 1973. Menuju ke Dahab dan aktiviti seterusnya adalah melawat ke pasar malam Dahab di pinggir laut Mediterranean berhadapan dengan negara Saudi, Israel dan Jordan. Bermalam di Dahab.

## HARI 5 : DAHAB – SINAI

Sarapan pagi dan daftar keluar. Peserta dibawa menaiki Glass boat untuk melihat ikan dan batu karang di Dahab. Aktiviti Pilihan pantai Dahab – ATV dan Snorkeling. Persiapan seterusnya menuju ke Sinai dari Dahab dan Lawatan diteruskan ke Makam Nabi Harun dan Nabi Soleh di Kaki Bukit Tursina. Seterusnya peserta dibawa melihat Ukiran Lembu Samiri yang dibuat oleh pengikut Nabi Musa AS. Bermalam di Sinai.

## HARI 6 : BUKIT TURSINA

Bertolak awal pagi lingkungan jam 12.00 pagi, peserta berkumpul untuk menaiki Bukit Tursina berketinggi dalam 2.285M. Setelah tiba di puncak Tursina, peserta akan melihat tempat bermunajat dan Nabi Musa menerima kitab. Peserta akan solat subuh diatas dan bergambar dan kemudian turun kembali ke kaki bukit. Lawatan ke Saint Catherine – sebuah biara Kristian mazhab Greek Othodox yang dibina di kaki Gunung Tursina. Didalam Kawasan biara ini terdapat sebuah masjid iaitu Fatimid Mosque. Juga ada Telaga Nabi Musa as dan The Burning Bush (Pokok terbakar) yang dikisahkan di dalam Al – Quran Surah Al Qasas (28): Ayat 29- 32. Bertolak dan bermalam di Kaherah.



## HARI 7 : FAYYOUM

Sarapan pagi. Lawatan ke kota Fayyoun dimana ini merupakan kota pemerintahan Nabi Yusuf yang juga pernah menjadi ibu negara mesir 1000 tahun. Lawatan ke Istana Qarun dan Tasik Qarun. Qarun merupakan sepupu Nabi Musa dari bani Israel yang dikisahkan di dalam Al – Quran surah Al – Qasas ayat 76. Lawatan seterusnya kita akan melawat air terjun padang pasir disebut sebagai syalalat. Pulang dan bermalam di Kaherah.



## HARI 8 : KAHERAH– LUXOR – ASWAN

Sarapan pagi dan daftar keluar hotel. Lawatan ke Masjid 4 Mazhab ditengah – tengah Kota Kaherah dan Masjid Ar Rafa' i. Lawatan ke Masjid Ibnu Tholun yang dibina pada tahun 876M dizaman kerajaan Abbasiah dengan batu merah yang bernilai tinggi di Jabal Yasykur – Bukit ke syukuran. Lawatan diteruskan ke Masjid Amru Al – Ars iaitu masjid pertama yang dibina di afrika di kota fustat. Masjid ini dibangunkan oleh Amru sebagai gabenor mesir pada 641 – 642M. Lawatan seterusnya ke makam ahli bait atau keturunan Rasullullah saw, makam sahabat dan Makam ulama dan wali Alah swt disekitar kaherah. Bertolak ke Aswan menaiki dan bermalam dalam kereta api.

**Note : Lawatan aswan dan luxor dari kaherah menggunakan train / flight. Ia nya mengikut kesesuaian penganjur dan masa yang ada.**



## HARI 9 : CRUISE NILE

Tiba di aswan dan daftar masuk cruise. Kemudian melawat Highdam Sidd Al Alyy – Empangan Aswan merentasi Sungai Nil. Melawat Philae Temple di kepulauan Sungai Nile – salah satu kuil Ptolemaic yang paling terpelihara di Mesir. Ini adalah kuil purba terakhir yang dicipta dalam gaya seni bina tradisional Mesir. Dipetang hari berlayar menuju ke Pulau Nubian. Kembali ke cruise dan bermalam.



## HARI 10 : CRUISE NILE

Sarapan dan berlayar dengan Cruise. Menuju ke Kom Ombo – Terletak di tebing Sungai Nil di sebuah kampung dengan nama yang sama, Kom Ombo unik di Mesir sebagai kuil ganda – didedikasikan untuk dua dewa, Sobek dan Horus. Makan tengahari dan menikmati pelayaran. Aktiviti Pilihan – Lawatan ke Abu Simbel. Bermalam dalam Cruise di Edfu.



## HARI 11 : CRUISE NILE

Sarapan dan berlayar dengan Cruise. Melawat Temple Edfu. Menikmati pelayaran cruise melihat suasana kampung di tepian Sungai Nil. Tiba di bandar diraja pemerintah kuno mesir. Melawat Luxor Temple selepas matahari terbenam, dan melihat suasana pekan malam Luxor. Bermalam dalam Cruise di Luxor.



## HARI 12 : CRUISE NILE

sarapan dan daftar keluar dari Cruise. Melawat Valley Of King, Queen Hetshepsut. Melawat Karnak Temple, pusat pentadbiran kerajaan kuno yang masih kekal binaan nya. Aktiviti Pilihan – melihat matahari terbit dengan menaiki belon panas (Hot Ballon Sunrise) Bergerak pulang ke Kaherah menaiki kereta api dan bermalam.

## HARI 13 : KAHERAH

Tiba di National Train Stesen Ramses. Bermalam di Kaherah.



## HARI 14 : ISKANDARIAH

Sarapan pagi. Lawatan diteruskan ke Iskandariah yang pernah menjadi ibu kota negara mesir lebih 1000 tahun. Lawatan diteruskan melawat ke Qal' ah atau kubu Quetbey yang dibina 1477M dan disini juga pernah menjadi rumah api dan telah hancur setelah gempa bumi terbesar di mesir. Lawatan seterusnya ke Masjid dan Makam Abu Abbas Mursi seorang wali Qutub berasal dari Andalus, Sepanyol dilahirkan 1219M. Lawatan seterusnya ke Makam Imam busyairi berasal dari Maghribi dan penulis syair tentang kecintaan terhadap Rasullullah saw yang masih digunakan syairnya sehingga hari ini. Lawatan di teruskan ke Makam dan Masjid Nabi Daniel. Melawat Makam Lukman Al – Hakim dibumi Iskandariah. Jika berkesempatan kita akan melawat Istana Iskandariah dipinggir laut Mediterranean. Pulang dan bermalam di Kaherah.



## HARI 15: KAHERAH

Sarapan pagi dan daftar keluar. Lawatan diteruskan ke Muzium Tahrir (Pilihan untuk masuk kedalam muzium) disini anda boleh melihat tinggalan sejarah Firaun dan tinggalan barangannya. Aktiviti bersama pelajar mesir. Bertolak ke Lapangan Terbang Cairo untuk pulang ke Malaysia mengikut jadual penerbangan

### Makluman:

1. Itinerary boleh berubah bergantung pada keadaan seperti cuaca dan traffic congestion.

2. Harga pakej, jadual lawatan yang dinyatakan adalah mengikut perubahan semasa seperti jadual Penerbangan (In/Out), Masa Penerbangan, Harga Penerbangan, Pertukaran matawang, keselamatan negara dilawati dan perubahan Cuaca

### PAKEJ TERMASUK



- Penerbangan pergi & balik
- Bagasi 23kg- 30kg
- Penginapan di Hotel 3\*/4\*
- Bayaran masuk mengikut itinerary
- Pengangkutan Exclusive peribadi
- Makanan Halal (B & D)
- Penjagaan waktu solat
- Tour Golde yang berpengalaman

### PAKEJ TIDAK TERMASUK



- Tipping: RM580/pax
- Insuran perjalanan (Optional): RM150/pax
- Bayaran Tambahan Aktiviti Pilihan (Optional)
- Perkhidmatan tambahan di hotel seperti dobi, servis bilik dan lain-lain
- Perkara-perkara lain yang tidak dinyatakan dalam program ini

## MAKLUMAT HARGA

### TIPPING

## TIPPING

**RM580**



## INFO PENTING:

Harga pakej tertakluk kepada perubahan kadar mata wang atau caj musim puncak, dan pihak KSTTSB akan memaklumkan sebarang perubahan terlebih dahulu.

Pasport yang sah dan tidak kurang dari enam (6) bulan dari tarikh penerbangan.

Peserta dinasihatkan untuk membuat semakan status senarai hitam (blacklist) ke luar negara terlebih dahulu sebelum berlepas.

Pihak KSTTSB tidak akan bertanggungjawab terhadap isu senarai hitam peserta, dan sebarang pembayaran yang telah dibuat tidak akan dipulangkan sekiranya perkara ini berlaku.

### POLISI BAYARAN:

- Minimum Deposit RM1000.00 seorang
- Bayaran penuh untuk tiket pesawat antarabangsa/domestik diperlukan semasa proses tempahan sekiranya melibatkan tempahan tiket penerbangan.
- Kami tidak bertanggungjawab atas kenaikan harga disebabkan kelewatan anda membayar pakej.

### TEMPOH BAYARAN

90 HARI – 70%  
60 HARI – 90%  
45 HARI – 100%

**Tiada Pemulangan deposit akan dibuat sekiranya peserta membatalkan pakej yang telah diambil. Akan tetapi peserta boleh memilih salah satu dari pilihan iaitu menukar dengan peserta lain (hanya apabila tiket penerbangan)**

**Sebelum membuat tempahan sila lihat “terma dan syarat” yang telah disediakan**



[www.kembarasufi.com/terma](http://www.kembarasufi.com/terma)

**Sila baca, fahami dan mengisi maklumat di bawah laman web di link Terma & Syarat yang telah disediakan terlebih dahulu. sebelum membuat sebarang tempahan atau bayaran deposit.**

KEMBARA SUFI TRAVEL & TOURS SDN BHD



**Maybank**  
**5621-0663-0695**

**Slip pembayaran perlu dihantar ke email / whatsapp selepas selesai bayaran dibuat.**

### PERHATIAN :

Sila e-mel atau WhatsApp resit bukti pembayaran yang telah dicatat dengan nama, tarikh trip, dan nombor kad pengenalan anda, berserta salinan pasport yang jelas kepada pihak kami untuk tujuan pengeluaran resit rasmi KSTTSB.

**Dengan membuat tempahan dan bayaran deposit, anda dianggap bersetuju serta terikat sepenuhnya dengan semua terma dan syarat yang ditetapkan.**



**"PENERAJU PAKEJ PERCUTIAN TERMURAH DI MALAYSIA"**

# TEMPAT - TEMPAT LAWATAN



MASJID SAIDINA HUSSAIN



SUNGAI NILE DAN FALUKA (KAPAL LAYAR)



BAZAAR KHAN KHALILI



PYRAMID GIZA DAN SPINX



MAQAM IMAM SYAFIEE



KOTA ISKANDARIAH



LIBRARY OF ALEXANDRIA



KUBU SULTAN SALAHUDDIN AL AYUBI



KUBU SULTAN ASHRAF QAITBAY KERAJAAN MAMLUK



MASJID AL-AZHAR AS - SHARIFF



MASJID ABU ABBAS AL MURSI



TASIK QORUN

KINCIR AIR NABI YUSUF



TERUSAN SUEZ



ISTANA QORUN



KUBU PERANG ISRAEL 1973



WADI RAYYAN ( SYALALAT )



TELAGA NABI MUUSA



MAQAM NABI HARUN



VALLEY OF KING



KING HETSHEPSHUT TOMB



KARNAK TEMPLE



LUXOR TEMPLE



HOT BALLON LUXOR



ASWAN



MAQAM NABI SALEH



PANTAI DAHAB



LEMBU SAMIRI



ABU SIMBEL



EDFU TEMPLE



NUBIAN VILLAGE



KOM OMBO TEMPLE



PHILAE TEMPLE



HIGH DAM ASWAN